

PENGEKALAN LAGU-LAGU RAKYAT NEGERI JOHOR

DI MALAYSIA.

( KES STUDI -- LAGU GHAZAL )

OLEH:

NOR HAFIZAH BTE MD. TAMAJI.

89712075

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Seni Lukis & Seni Reka,

Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian dari-  
pada keperluan Diploma Seni Lukis & Seni Reka.

1. Diperiksa oleh ..... Tarikh.....

2. Diperiksa oleh ..... Tarikh.....

Diluluskan oleh ..... Tarikh .....

Dekan,

Kajian Seni Lukis & Seni Reka,

Institut Teknologi Mara,

40450 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan.

## **PENGHARGAAN**

---

Bersama-sama ini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah turut menyumbangkan tenaga, pengetahuan dan sokongan mereka dalam menjayakan tesis ini secara langsung atau tidak langsung.

1. En Ahmad Jusoh
2. En. Fadhil Ahmad.
3. Pn. Rosiah Chik.
4. En. Nasir Hashim
5. En. Mahmood Ariffin.

Tidak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pertolongan Pensyarah Penasihat saya iaitu, Pn. Hjh. Fakhariah bte Datok Hj. Lokman. Tanpa nasihat dan bimbingan puan tidaklah dapat saya menyiapkan tesis ini.

Buat Ayahanda dan Bonda, serta kedua abang tercinta, terima kasih diatas sokongan yang diberi. Tidak lupa juga buat Mohd. Nazaruddin Hj. Nazir, terima kasih juga kuucapkan kerana memahami diri ini seorang pelajar.

Hanya Allah juga yang membala segala jasa yang anda berikan selama ini.

Akhir kata, semoga usaha kita bersama ini akan membawa hasil yang baik bagi generasi yang akan datang. Insya Allah.

-ANNE-

## SINOPSIS

---

Kesenian adalah salah satu daripada cabang kebudayaan. Ia adalah merangkumi beberapa unsur seperti seni gerak, seni rupa dan seni bunyi. Ia juga merupakan satu estetika yang bernilai dalam kehidupan manusia<sup>1</sup>. Secara umum cara paling baik untuk mencapai rasa ketenangan dan ketenteraman jiwa dan fikiran ialah melalui muzik<sup>2</sup>. Samada ia muzik moden ataupun tradisional fungsi utamanya ialah untuk memberi hiburan. Muzik ghazal yang tergolong dalam muzik tradisional adalah merupakan salah satu dari jenis muzik yang popular di kalangan masyarakat Melayu Johor.

Ghazal telah mula dikenali di Johor pada tahun 1860an. Pada peringkat awal, masyarakat Melayu Johor mengenali ghazal sebagai gamat kerana keriuhan yang wujud dalam muzik tersebut. Ia diketengahkan oleh Mohd. Salleh bin Perang, seorang Pegawai Tinggi Kerajaan Johor yang bergelar Datok Bentara Luar.

Pada peringkat awal, muzik ghazal dinyanyikan di Istana Riau-Lingga sebagai hiburan kepada golongan bangsawan sahaja. Masyarakat umum tidak berpeluang untuk menyaksikan persembahan ghazal secara terbuka. Usaha-usaha memperkenalkan muzik tersebut kepada umum di lakukan oleh Mohd. Salleh bin Perang ketika bila diarahkan oleh Sultan Abu Bakar membuka bandar-bandar baru di negeri Johor.

---

1. Herbert Read, *The Meaning of Art*, Faber Penguin Book, London, 1951, p. 16
2. Kajian Tentang Muzik - rujuk W. Adorone *Introduction to the Sociology of Music*, New York, 1969.

**ISI KANDUNGAN**

---

**MUKA SURAT**

---

PRAKATA	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	1
BAB SATU	
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pendefisian Ghazal	5
1.2 Tujuan & Permasalahan	7
1.3 Skop Penyelidikan - Koleksi & Penganalisaan lagu-lagu Ghazal	8
BAB DUA	
2.0 PANDANGAN DARI SUDUT KESUSASTERAAN	11
2.1 Latarbelakang Peralatan, Cara Permainan & Jenis Lagu	16
22 Organisasi Kumpulan Ghazal	23
BAB TIGA	
3.0 METODOLOGI	
3.1 Penganalisaan Dari Segi Melodi	25
3.2 Temuramah Dengan Orang Yang Terlibat Dengan Ghazal	26
BAB EMPAT	
4.0 KEPUTUSAN	
4.1 Lapuran Tentang Penyelidikan Yang Telah Dibuat	32
4.2 Peranan Badan-badan Tertentu Dalam Memperkembangkan Muzik Ghazal	34
BAB LIMA	
5.0 PENUTUP	39
BIBLIOGRAFI / RUJUKAN	41
LAMPIRAN	

## BAB SATU

### 1.0 PENGENALAN

#### 1.1 Pendefinisan Ghazal.

Ghazal ialah nama Sekumpulan Muzik Malaysia yang kini telah diakui oleh orang-orang Melayu sebagai salah satu Permainan Muzik Melayu Tradisional / Etnik Malaysia zaman kini.

Ghazal yang lahirnya di negeri Johor sekarang bukan sahaja menarik perhatian atau pun minat orang-orang Melayu di Johor sahaja, bahkan minat ini menjalar ke seluruh Malaysia. Sekarang ini tumbuh di negeri-negeri lain di dalam Malaysia menu-  
buhkan Kumpulan Ghazal seperti di Selangor, Melaka, Pahang, Sarawak, Perak, Kedah  
<sup>3</sup> dan Perlis. Mengikut sumber laporan tahunan Jabatan Kementerian Budaya Belia dan Sukan, Negeri Johor tahun 1979, terdapat sebanyak 50 buah kumpulan Ghazal berdaftar. Pendek kata di mana sahaja Ghazal ujud, tujuan utamanya ialah menghibur di samping memperkenal, mempertinggi dan memperluaskan Seni Kebudayaan Negara.

Ghazal ialah Muzik Melayu ala Hindustan yang dikatakan gamat  
<sup>4</sup> dengan alat-alat Muzik Hindustan seperti syarenggi, gitar, harmonium dan tabla

---

3. Fadhil Ahmad, keterangan mengenai Ghazal, hal. 1

4. Lihat Wan Abd. Kadir, Budaya Popular Dalam Masyarakat Melayu Bandar -  
terbitan DBP 1988 m.s. 93.